

Duti import kereta: Kerajaan akan bertindak tak kira siapa

KOTA BAHARU 23 Mac — Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak termasuk sultan dan raja yang membawa masuk kereta-kereta mewah dari luar negara tanpa membayar duti import keatasnya.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan, semua pihak termasuk pihak - pihak atasan berkenaan perlu mematuhi peraturan dan

undang-undang yang telah ditetapkan.

Katanya, beliau amat dukacita kerana ada pihak-pihak atasan menggunakan kedudukan mengambil kesempatan berbuat demikian.

"Kalau pihak atasan tidak mematuhi undang-undang dan jika tindakan tidak diambil, nanti dipersoalkan oleh rakyat kenapa kerajaan membezakan tindakan, orang itu

kena dan orang ini tidak," ujarnya.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan para pemberita berhubung dakwaan terdapatnya pihak istana yang membawa masuk kereta mewah tanpa membayar cukai import, di kediaman Menteri Belia dan Sukan, Senator Annuar Musa di Bukit Marak di sini malam ini.

Mengenai tindakan kerajaan ke atas pihak-pihak terlibat beli-

au menegaskan, "sita akan mengambil tindakan setakat yang mampu termasuk kemungkinan menarik kereta berkenaan."

Sementara itu, mengenai tindakan Kerajaan Singapura tidak membenarkan kenderaan yang bernombor pendaftaran Malaysia memasuki negaranya, Perdana Menteri dukacita kerana kerajaan Malaysia tidak diberitahu lebih awal.